

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BERTULIS DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : BERTULIS
DARIPADA : Y.B. DATO' ROSOL BIN WAHID
[HULU TERENGGANU]**

SOALAN NO. 99

Y.B. DATO' ROSOL BIN WAHID [HULU TERENGGANU] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah peruntukan yang diberikan kepada 60 buah Sekolah Menengah Persendirian Cina (SMPC) mengikut pecahan sekolah dan negeri.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, melalui ucapan Belanjawan 2019, Kerajaan telah menyediakan peruntukan sebanyak RM652 juta untuk menaiktaraf dan menyelenggara semua kategori sekolah termasuk sekolah persendirian seperti Sekolah Tahfiz sebanyak RM50 juta, Sekolah Pondok sebanyak RM25 juta dan 62 buah Sekolah Menengah Persendirian Cina (SMPC) sebanyak RM12 juta. Di samping itu, sekolah agama rakyat dan sekolah agama persendirian yang berdaftar juga menerima peruntukan sebanyak RM25 juta.

Memang benar peruntukan RM 12 juta untuk SMPC juga telah disalurkan terus kepada akaun bagi 62 buah sekolah. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kriteria penyaluran sumbangan dipertimbangkan kepada institusi pendidikan yang tidak bermotifkan keuntungan. Bagi tujuan pemantauan, pihak penerima peruntukan perlu mengemukakan laporan pelaksanaan program/ projek berdasarkan kelulusan bantuan kewangan yang diberikan.